

# Utamakan pelaburan tamatkan penyakit tibi

**Putrajaya:** Keutamaan perlu diberikan terhadap pelaburan bagi pencegahan, kawalan dan rawatan jangkitan tibi terpendam, tibi aktif dan kerintangan terhadap antibiotik anti tibi bagi memastikan Malaysia mencapai sasaran Strategi Pengakhiran Tibi Pertumbuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu menamatkan epidemik tibi menjelang 2035.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata sambutan Hari Tibi Sedunia 2022 bertemakan *Invest to End TB. Save lives* membawa maksud amat penting untuk ada pelaburan bagi memastikan pesakit mendapat akses kepada diagnosis dan rawatan tibi kerana ia menyelamatkan pesakit daripada mendapat komplikasi yang tidak diinginkan seperti kematian akibat penyakit itu.

Beliau berkata, WHO menganggarkan 9.9 juta kes tibi di seluruh dunia dengan jumlah kematian 1.5 juta pada 2020.

Katanya, jumlah kes tibi yang dilaporkan di Malaysia pada 2021 adalah 21,727 kes (kadar insiden 63.5 setiap 100,000 penduduk), iaitu penurunan sebanyak 1,917 kes (8.1 peratus) berbanding 23, 644 kes (kadar insiden 72.4 setiap 100,000 penduduk) pada 2020.

Khairy berkata, jumlah kematian tibi adalah 2,288, menurun sebanyak 32 kematian (1.4 peratus) pada 2021 berbanding tahun 2020 dengan kadar kematian 6.6 setiap 100,000 penduduk.

“Hari Tibi Sedunia disambut di seluruh dunia pada 24 Mac setiap tahun bagi memperingati sejarah penemuan bakteria *Mycobacterium tuberculosis* oleh Dr Robert Koch pada 24 Mac 1882.

“Tujuan sambutan ini dilakukan adalah untuk

meningkatkan kesedaran, komitmen serta sokongan terhadap usaha pencegahan dan kawalan penyakit Tibi yang dilakukan di seluruh negara,” katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Khairy berkata, penyakit tibi adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh bakteria *Mycobacterium tuberculosis* dan merebak melalui udara.

Beliau berkata, tanda penyakit tibi adalah batuk berpanjangan iaitu melebihi dua minggu, demam, berpeluh waktu malam, kurang selera makan, susut berat badan dan batuk berdarah.

Katanya, individu bergejala perlu menjalani pemeriksaan dan rawatan awal di klinik kesihatan dan hospital berhampiran.



Khairy Jamaluddin